Bahagian Rangkaian dan Sokongan Sistem ini terlibat secara langsung dari segi perancangan, persiapan, pembelian, pemasangan dan bantuan teknikal dari peringkat awal pembangunan Pusat Tanggungjawab atau Fakulti di UTeM. Selain itu, bahagian ini juga membantu PTJ atau Fakulti dalam menyediakan khidmat perundingan berkaitan dengan peralatan yang melibatkan ICT seperti komputer, pelayan dan stesen kerja yang diperlukan oleh pihak terlibat untuk memastikan proses pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran dapat dilakukan dengan efisien dan berkesan.

Berikut adalah senarai projek yang telah berjaya dilaksanakan bagi tahun 2008:

Bil Items	Projek Projects
1	Meningkatkan lebar jalur ISP Jaring di Kampus Industri dari 4Mbps kepada 12Mbps <i>To upgrade broadband width in the Industry Campus from 4Mbps to 12 Mbps.</i>
2	Melakukan perpindahan Pusat Data dari Kampus Industri Ayer Keroh ke Kampus Induk Durian Tunggal <i>To relocate Data Centre from Ayer Keroh Industrial Campus to Durian Tunggal Main Campus</i>
3	Penyediaan perkhidmatan ICT untuk Kampus Induk Durian Tunggal bagi Pusat Tanggungjawab Pusat Komputer, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pejabat Bendahari, Pejabat Pendaftar, Canselori, Dewan Sukan dan Kompleks Sukan <i>To provide ICT services to Durian Tunggal Main Campus which houses the Computer Centre, Student Affairs and Alumni, Bursary, Registrar's Office, Chancellery, Sports Hall and Sports Complex.</i>
4	Menaiktaraf peralatan rangkaian sedia ada bagi bangunan Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) serta Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) <i>To upgrade current network systems equipment in the Faculty of Electrical Engineering and Faculty of Electronics and Computer Engineering buildings.</i>
5	Meningkatkan kapasiti lebar jalur tulang belakang rangkaian Kampus Induk dari 1Gbps kepada 10Gbps <i>To upgrade the capacity of the broadband width in the main campus from 1Gbps to 10Gbps.</i>

Jadual 3.5: Senarai Projek ICT Yang Telah Dilaksanakan Pada Tahun 2008

Table 3.5: List Of Completed ICT Projects In Year 2008

Pada Oktober 2008, Pusat Data Pusat Komputer telah berpindah ke Kampus Induk. Pusat Data yang baru ini melibatkan konfigurasi semula server dan peralatan keselamatan rangkaian yang antaranya menambah baik Storage Area Network (SAN), pemasangan sistem pemantauan Pusat Data dan Uninterruptable Power Supply (UPS).

Perancangan Consolidation dan Virtualization juga telah dilakukan melibatkan hampir 50 server. Selain itu perkakasan keselamatan yang baru juga telah selesai di konfigurasi antaranya melibatkan firewall, IPS, IDS dan host prevention software. Dengan adanya sistem keselamatan ini Pusat Komputer dapat memantau dan mengawal keselamatan secara total dan lebih berkesan.

Network System Development and Server Support

The Department of Network System and Server Support helps in planning, implementing, purchasing, installing and giving technical assistance to the various faculties. This department also provides consultation relating to ICT such as computers, server and workstations to assist the centres/faculties. This will ensure success in teaching, learning and effective management.

The table below lists successfully completed projects for the fiscal year 2008:

The Data Centre was relocated to the Main Campus in October 2008. The Data Centre reconfigured both the server and safety network equipment to improve the storage Area Network (SAN).

The Data Centre supervisory systems and uninterruptable power supply (UPS) were also installed. Consolidation and Virtualization Planning were also done on 50 servers. Safety systems such as firewall, IPS, IDS and host prevention software were also configured to strengthen the security as a whole.



HAL EHWAL PELAJAR Student Affairs



اوتيمر سبتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



HAL EHWAL PELAJAR

Student Affairs

Selain daripada aktiviti akademik dan penyelidikan, Hal Ehwat Pelajar turut menjadi agenda utama universiti dalam membentuk pelajar yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual (JERI). Justeru untuk mencapai hasrat tersebut universiti memberi keutamaan kepada pembangunan sahsiah dan perkhidmatan pelajar sepanjang tahun 2008.

Penerapan kemahiran insaniah dalam program-program yang dianjurkan meningkatkan lagi potensi pelajar ke arah pelajar yang mempunyai minda kelas pertama. Terdapat tujuh kemahiran yang diterapkan iaitu:

1. Kemahiran Berkomunikasi
2. Kemahiran Kerja Berpasukan
3. Kemahiran Kepimpinan
4. Kemahiran Kritis dan Penyelesaian Masalah
5. Kemahiran Keusahawanan
6. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat
7. Etika dan Moral Profesional

Program Pembangunan Pelajar

Program-program pembangunan pelajar telah dilaksanakan dengan mengambil kira pembangunan sahsiah pelajar, kepimpinan, sukarelawan, program kerohanian, program kebudayaan, program pengantarabangsaan dan program keusahawanan.

Melalui Kelab Penyayang dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar, pelbagai program kemasyarakatan dan program sukarelawan telah dilaksanakan. Antaranya lawatan ke rumah anak yatim, program bersama warga emas serta mengadakan khidmat kelas tuisyen di beberapa sekolah luar bandar.

Kejayaan pelajar kita mendapat kedudukan Naib Johan (Bahagian Qari) semasa pertandingan Tilawah Al-Quran Peringkat IPT & Jemputan ASEAN membuktikan UTeM tidak mengabaikan pembangunan rohani dari program kerohanian di kolej-kolej kediaman.

Pada tahun 2008, pasukan Orkestra UTeM sekali lagi telah mengekalkan kejuaraan dalam Fiesta Muzika MAKUM 2008. Kejayaan UTeM menjulang Anugerah Johan Keseluruhan buat kali kedua telah berjaya menaikkan dan mengharumkan nama UTeM dalam dunia muzik.

Kerjasama antara UTeM dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dalam melaksanakan Program Pembudayaan Keusahawanan diteruskan dengan pelaksanaan Kursus Asas Keusahawanan Siswa dan Latihan Asas Keusahawanan Siswa. Program keusahawanan siswa juga memenuhi kalendar 2008 dengan penganjuran Pesta Konvo, Pesta Jualan MHS dan kegiatan perniagaan di kolej kediaman oleh pelajar.

The core agenda of student affairs is to produce balanced and harmonious individuals in terms of physical, emotional, spiritual and intellectual growth, besides promoting academic and research activities. In order to achieve this, the University stresses on student personality development as well as student service throughout the year 2008.

The integration of soft skills in the programmes helps to nurture and produce students with first class mindset. The seven types of soft skills integrated are:

1. Communication Skills
2. Teamwork Skills
3. Leadership Skills
4. Critical Thinking and Problem Solving Skills
5. Entrepreneurship Skills
6. Life-long Learning and Data Management
7. Professional Ethics and Morals

Student Development Programme

Several factors are taken into consideration in implementing student development programmes such as the development of student personalities, as well as aspects like leadership, volunteerism, moral values, culturalisation, internationalisation and entrepreneurship.

Various kinds of community service programmes are conducted by Kelab Penyayang with the cooperation of the Students Representative Council. Some of these programmes include activities like making visits to orphanages and old folks home and conducting tuition classes in rural schools.

The students' success in securing the runner-up position in the Tilawah Al-Quran Competitions at IPT and the ASEAN Invitational level provides evidence that spiritual development programmes amongst students in residential colleges is not neglected by UTeM.

In 2008, the UTeM Orchestra Group once again maintained championship in the MAKUM 2008 Music Fiesta. UTeM's victory in securing the Overall Champion Award for the second time in the music world brought pride to UTeM.





Simulasi perniagaan Catur Bistari juga diperkenalkan sebagai salah satu aktiviti pembudayaan keusahawanan dengan pertandingan-pertandingan di peringkat kolej kediaman, universiti dan kebangsaan. Pasukan Catur Bistari UTeM telah berjaya mendapat tempat pertama dan tempat kedua di pertandingan peringkat Zon Selatan dan berjaya menduduki tempat ke lima dalam pertandingan peringkat kebangsaan.

Kempen Anti Merokok telah dilancarkan bagi melarang kegiatan merokok di dalam kawasan kampus. Program ini menjadikan warga UTeM mengamalkan kehidupan yang sihat. Kempen ini telah berjaya membentuk sikap tidak merokok di kalangan para pelajar dan mendidik mereka untuk menyedari keburukan merokok.



The cooperation between UTeM and The Ministry of Entrepreneurs and Co-operative Development in implementing the Entrepreneurship Enculturation Programmes is further enhanced with the implementation of Student Basic Entrepreneurial Course and Student Entrepreneurial Training. Student Entrepreneurship Programmes like the Convo Fest, MHS Sales Fiesta and other business activities at the students' residential colleges were held as specified in the 2008 calendar.

Sales simulations like Catur Bistari and other competitions that are held at the residential colleges, university and national levels serve to promote the enculturation of entrepreneurship activities. The Catur Bistari Team of UTeM succeeded in securing the first and second positions in the competitions held at the Southern Zone level. In addition, the team also secured the fifth position in the national level competition.

An Anti Smoking Campaign was launched to ban smoking in the campus grounds. This programme helps to foster healthy living habits as well as nurture non-smoking attitudes among the citizens of UTeM. Besides, the students were also exposed to the ill-effects of smoking.

The success of the athletes of UTeM in securing the Division 2 Championship in the MASUM 2008 Hockey League was something to be proud of as this showed that the students were capable of achieving excellence not only in academia but also in sports.



Selain itu, kejayaan atlet UTeM dalam Liga Hoki MASUM 2008 dengan menjadi johan Divisyen 2 adalah sesuatu yang membanggakan. Ini adalah salah satu kaedah agar para pelajar dapat menguasai bidang akademik sekali gus cemerlang dalam bidang kesukanan.

Atlet UTeM juga menyerlah dalam bidang sukan sehingga ke peringkat antarabangsa dengan dua orang pelajar UTeM terpilih mewakili Malaysia dalam Pertandingan Futsal Universiti Dunia di Slovenia. Di samping itu juga dua orang pelajar UTeM dipilih mewakili Malaysia dalam acara olahraga semasa Sukan Universiti Asean ke 14 di Kuala Lumpur.

Dalam pertandingan ROBOCON 2008 peringkat kebangsaan, pelajar UTeM telah menggondol kejuaraan kategori Reka-cipta Terbaik. Kejuaraan ini membuktikan pelajar UTeM berjaya mengaplikasikan ilmu yang dipelajari di dalam situasi sebenar kemajuan teknologi negara.

Program pengantarabangsaan pelajar tidak diketepikan dalam melahirkan pelajar yang lebih global. Beberapa pelajar dihantar ke luar negara untuk mendapatkan ilmu serta pendedahan sebagai satu proses pengantarabangsaan pelajar antaranya negara China, Indonesia dan Thailand. Kerjasama antara universiti di negara berkenaan juga dibentuk melalui pertukaran ilmu dan pengalaman oleh pelajar UTeM bersama pelajar dari universiti berkenaan.

Perkhidmatan Pelajar

Berlandaskan kebajikan pelajar sebagai asas utama, HEPA telah mengambil inisiatif menyediakan kemudahan dan bantuan agar pelajar dapat belajar dalam keadaan yang kondusif serta mesra pelajar. Bantuan kewangan menerusi pinjaman dan biasiswa ditawarkan kepada pelajar yang layak.

Kemudahan penginapan pula dipertingkatkan dengan menyediakan penginapan yang mesra pelajar dan kondusif. Terdapat tiga kolej kediaman yang disediakan iaitu;

- i. Kolej Kediaman Taman Tasik Utama
- ii. Kolej Kediaman Bunga Raya
- iii. Kolej Kediaman Murni

Perkhidmatan Klinik Pelajar di dalam kampus menambah baik lagi kemudahan kesihatan kepada pelajar. Rawatan percuma kepada pelajar ini memberi kemudahan kepada para pelajar yang sakit untuk mendapatkan rawatan tanpa perlu menjejaskan proses pembelajaran mereka kerana perlu keluar dari kampus untuk mendapatkan rawatan kesihatan.

Perkhidmatan pengangkutan disediakan juga kepada pelajar dalam kampus dengan memberikan kemudahan bas ulang alik dari kolej kediaman ke kampus. Kemudahan pengangkutan ini juga disediakan kepada para pelajar untuk menganjurkan program dan aktiviti di luar kampus.

Perkhidmatan kaunseling dan kerjaya juga ditawarkan kepada pelajar dengan khidmat kaunseling individu, khidmat kaunseling kelompok, program pembimbing rakan sebaya dan kaunseling kerjaya.

The athletes of UTeM also excelled in sports at the international levels. Two of them were selected to represent Malaysia in the World Futsal Tournament in Slovenia. Besides, two other students also represented Malaysia in the 14th ASEAN University Sports in Kuala Lumpur.

In the 2008 National Level ROBOCON Competition, UTeM students managed to secure championship in The Best Invention category. This kind of success shows that the students of UTeM are able to apply knowledge in real life situations.



Internationalization programmes are held to produce students with global thinking. A number of students have been sent to foreign countries like China, Indonesia and Thailand so as to expose them to the process of globalization. Partnership with universities in these countries is fostered via knowledge and experience exchange among these students.

Student Service

HEPA has taken the initiative to provide students with the necessary facilities and assistance so that they can study in a learner-friendly environment. Financial assistance and scholarships are also offered to eligible students.

Accommodation facilities have also been upgraded. The three types of residential colleges available are:

- i. Taman Tasik Utama Residential College
- ii. Bunga Raya Residential College
- iii. Murni Residential College

With the establishment of the Student Clinic Service in the campus, students are provided free medical treatment and they need not go out of campus to seek treatment. With this kind of service, students with health problems need not spend time going outside during study hours.

Students are also provided transport services from the residential colleges to the campus and vice-versa. Transport service is also provided to students who organize programmes and activities outside campus.

Counselling and career guidance services are provided to students on an individual, group or peer group basis.

Alumni

Kerjasama Alumni UTeM dan universiti diperkuatkan lagi melalui Persatuan Alumni UTeM. Pada tahun 2008, keahlian Alumni UTeM bertambah kepada 4,262 orang. Beberapa program dijalankan dengan kerjasama Alumni UTeM seperti Karnival Kerjaya, Pesta Konvo 2008, Minggu Haluan Siswa serta program-program keusahawanan pelajar.



Alumni

The establishment of the UTeM Alumni Association has helped to strengthen the partnership between the Alumni and the University. The year 2008 marked an increase in the Alumni membership with a total membership of 4,262. Several programmes like The Career Carnival, Convo Fest 2008, Minggu Haluan Siswa and various entrepreneurial programmes were held with the co-operation of the Alumni.



Jadual 4.1: Aktiviti Pelajar Sepanjang Tahun 2008
Table 4.1: List Of Student Activities In Year 2008

Februari

February

Eksplorasi Minda Siswa Cemerlang
Pusat Latihan Felcra Tebing Tinggi Segamat

Eksplorasi Minda Siswa Cemerlang
Felcra Training Centre, Tebing Tinggi, Segamat

Seminar Gejala ATS dan HIV/AIDS
Universiti Malaysia Perlis

Seminar Gejala ATS dan HIV/AIDS
Universiti Malaysia Perlis

Forum Intelektual Hadhari
Kafeteria Kampus Industri UTeM

Forum Intelektual Hadhari
Industrial Campus, UTeM

Majlis Spring Festival Sempena Tahun Baru Cina
Dewan Mini Bistari, Ayer Keroh Melaka

Spring Festival Programme in conjunction with Chinese
New Year
Mini Bistari Hall, Ayer Keroh, Melaka

Kursus Pengurusan Jenazah 2008
Masjid Al-Alami, Ayer Keroh Melaka

Kursus Pengurusan Jenazah 2008
Al-Alami Mosque, Ayer Keroh, Melaka

Program Pembangunan Jati Diri Pelajar Matrikulasi
Kolej Matrikulasi Londang, Melaka

Program Pembangunan Jati Diri Pelajar Matrikulasi
Kolej Matrikulasi Londang, Melaka

Mac	March
Jogathon UTeM 2008 Kampus Industri UTeM	Jogathon UTeM 2008 Industrial Campus, UTeM
Hadhanari (Hari Dana) Kampus Industri UTeM	Hadhanari (Hari Dana) Industrial Campus, UTeM
Lawatan Ilmiah MPP Universiti Utara Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis	MPP Educational Visit Universiti Utara Malaysia and Universiti Malaysia Perlis
Bengkel Tarian Ethnik Negeri Melaka MAKUM Taman Budaya Mini Malaysia, Melaka	Bengkel Tarian Ethnik Negeri Melaka MAKUM Taman Budaya Mini Malaysia, Melaka
Bengkel Strategik Membina Kerjaya Siri 1&2 Pusat Konvensyen, Kampus Bandar UTeM	Bengkel Strategik Membina Kerjaya Serial 1&2 Convention Centre, City Campus, UTeM
Kem Waja Diri Mahasiswa/Siswi Perkasa Siri 1/2008 Kem Saujana Asahan, Melaka	Kem Waja Diri Mahasiswa/Siswi Perkasa Serial 1/2008 Saujana Asahan Camp, Melaka
Pesta Muzika MAKUM Universiti Malaysia Perlis	MAKUM Musical Fiesta Universiti Malaysia Perlis
Perkhemahan Gemilang SRM Gunung Angsi, Negeri Sembilan Latihan Kebakaran Kolej Kediaman Murni, Bukit Beruang Melaka	Perkhemahan Gemilang SRM Gunung Angsi, Negeri Sembilan Fire Drill Murni Residential College, Bukit Beruang, Melaka
Kembara Masjid Masjid Al-Azim, Bukit Palah Melaka	Kembara Masjid Al-Azim Mosque, Bukit Palah, Melaka
Lawatan Ilmiah MPP Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	MPP Educational Visit Universiti Teknologi Malaysia and Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Karnival Kerjaya UTeM 2008 Kampus Industri UTeM	UTeM Career Carnival 2008 Industrial Campus, UTeM
Seminar Pemantapan Aqidah (SPAQ) Dewan UTeM, Kampus Industri UTeM	Seminar Pemantapan Aqidah (SPAQ) Dewan UTeM, Industrial Campus, UTeM
Battle Of The Band Kampus Industri UTeM	Battle Of The Band Industrial Campus, UTeM

April	April
Latihan Kebakaran Kolej Kediaman Bunga Raya, Bukit Beruang Melaka	Fire Drill Bunga Raya Residential College, Bukit Beruang, Melaka

Mei	May
Kursus Asas Keusahawanan Siswa Seri Costa Hotel, Melaka	Kursus Asas Keusahawanan Siswa Seri Costa Hotel, Melaka
Bakti Siswa (BAKSIS) Mersing, Johor	Bakti Siswa (BAKSIS) Mersing, Johor

Jun	June
Majlis Ramah Mesra Alumni UTeM Bersama Pegawai Kanan Universiti Orna Golf Country and Resort, Melaka	Majlis Ramah Mesra Alumni UTeM Bersama Pegawai Kanan Universiti Orna Golf Country and Resort, Melaka
Malam Simfoni Orkestra Ballroom MITC, Melaka	Malam Simfoni Orkestra MITC Ballroom, Melaka
Bengkel TOT Fasilitator Kampus Bandar UTeM	TOT Facilitators' Workshop Industrial Campus, UTeM
Program Latihan Pemimpin Orientasi Siswa Samudera Bidara Resort, Tanjung Bidara, Melaka	Program Latihan Pemimpin Orientasi Siswa Samudera Bidara Resort, Tanjung Bidara, Melaka
Julai	July
Minggu Haluan Siswa UTeM Sesi 2008/2009	Minggu Haluan Siswa UTeM 2008/2009 Session
Program Perancangan Strategik dan Pemantapan JAKSIS 2008/2009 Teluk Kemunting, Melaka	Program Perancangan Strategik dan Pemantapan JAKSIS 2008/2009 Teluk Kemunting, Melaka
Bengkel Rancangan Perniagaan Hotel Seri Malaysia, Melaka Keindahan Bersamamu Tiram Indah Village, Ulu Tiram Johor	Bengkel Rancangan Perniagaan Seri Malaysia Hotel, Melaka Keindahan Bersamamu Tiram Indah Village, Ulu Tiram Johor
Ziarah Seni Muzika Universiti Malaysia Sarawak	Ziarah Seni Muzika Universiti Malaysia Sarawak
Program 72 Jam Bersama SPR UTeM 2008 Kampus Industri UTeM	Program 72 Jam Bersama SPR UTeM 2008 Industrial Campus, UTeM
Ogos	August
Forum Perdana Hal Ehwal Islam MITC, Melaka	Forum Perdana Hal Ehwal Islam MITC, Melaka
Program Keusahawan Pelajar Sempena Pesta Konvo MITC Melaka	Program Keusahawan Pelajar Sempena Pesta Konvo MITC, Melaka
Pesta Konvo ke-4 UTeM MITC Melaka	UTeM 4th Convo Fest MITC, Melaka
Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan 2008 Kafeteria Kampus Industri UTeM	Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan 2008 Industrial Campus, UTeM
Kem Waja Diri Mahasiswa/Siswi Perkasa Siri 2/2008 Kem Raudhah Gombak, Kuala Lumpur	Kem Waja Diri Mahasiswa/Siswi Perkasa Serial 2/2008 Kem Raudhah Gombak, Kuala Lumpur
Program Ziarah Seni Universiti Malaysia Kelantan dan Universiti Malaysia Pahang	Program Ziarah Seni Universiti Malaysia Kelantan and Universiti Malaysia Pahang
Pertandingan Catur Bistari IPT Peringkat Nasional Persada Johor, Johor Bahru	Catur Bistari IPT, National Level Competition Persada Johor, Johor Bahru

Bengkel Pengurusan Kewangan Perniagaan Auditorium Seri Negeri, Melaka	Bengkel Pengurusan Kewangan Perniagaan Seri Negeri Auditorium, Melaka
Latihan Keusahawanan Siswa Modul 1 & 2 Hotel Seri Malaysia, Genting Highland, Pahang Program Bakti Siswa Merdeka 2008 Sungai Udang, Melaka	Latihan Keusahawanan Siswa Modul 1 & 2 Seri Malaysia Hotel, Genting Highlands, Pahang Program Bakti Siswa Merdeka 2008 Sungai Udang, Melaka
Majlis Pelancaran Kempen Derma Darah Peringkat IPTA Sungai Udang, Melaka	Official Opening of Blood Donation Campaign at IPTA Level Sungai Udang, Melaka
Tayangan Filem Kemerdekaan Kafeteria Kampus Industri, UTeM	Tayangan Filem Kemerdekaan Industrial Campus, UTeM
Malam Kesenian Islam Kolej Kediaman TTU3, Taman Tasik Utama, Melaka	Malam Kesenian Islam TTU3 Residential College, Taman Tasik Utama, Melaka
Pertandingan Pidato Kemerdekaan Kafeteria Kampus Industri UTeM	Pertandingan Pidato Kemerdekaan Industrial Campus, UTeM
Majlis Bacaan Yassin, Tahlil dan Ceramah Kemerdekaan Masjid Al-Alami, Ayer Keroh Melaka	Majlis Bacaan Yassin, Tahlil dan Ceramah Kemerdekaan Al-Alami Mosque, Ayer Keroh, Melaka
Forum Kemerdekaan Kafeteria Kampus Industri UTeM	National Day Forum Industrial Campus, UTeM
Pertandingan Montaj Video Kemerdekaan Kafeteria Kampus Industri UTeM	Pertandingan Montaj Video Kemerdekaan Industrial Campus, UTeM
Merdeka Eco-Challenge UTeM 2008 Sekitar Ayer Keroh, Melaka	Merdeka Eco-Challenge UTeM 20 Ayer Keroh, Melaka
X-Cycling SRM Sekitar Kampus Induk sehingga Kolej Kediaman TTU	X-Cycling SRM Main Campus and TTU Residential College
Perbarisan Kemerdekaan Dataran Pahlawan Banda Hilir, Melaka	National Day Parade Dataran Pahlawan Banda Hilir, Melaka

September

September

Program Ihya Ramadhan-Ahlan Wasahlan Ya Ramadhan
Masjid Al-Alami, Ayer Keroh Melaka/Surau Kolej Kediaman
UTeM

Program Ihya Ramadhan-Ahlan Wasahlan Ya Ramadhan
Al-Alami Mosque, Ayer Keroh, Melaka/Surau at UTeM
Residential College

Program Lawatan Muhibbah ke Universiti Malaya
Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Goodwill Visit Programme to Universiti Malaya
Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Majlis Berbuka Puasa Bersama Naib Canselor
Kolej Kediaman TTU

Fast Breaking Ceremony with Vice Chancellor
TTU Residential College

Program Murni Cyber Challenge
Pusat Cyber Kolej Kediaman Murni, UTeM

Murni Cyber Challenge Programme
Cyber Centre, Murni Residential College, UTeM

Program Mencari Mutiara Lailatul Qadar
Masjid Al-Alami, Ayer Keroh Melaka

Program Mencari Mutiara Lailatul Qadar
Al-Alami Mosque, Ayer Keroh, Melaka

Majlis Khatam Al-Quran
Rumah Pengetua Kolej Kediaman TTU

Majlis Khatam Al-Quran
TTU Residential College Principal's Home

Program Tautan Kasih Bersama Anak Yatim
Rumah Anak Yatim Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al Haj,
Pantai Puteri, Melaka

Program "Got Problem"
Kafeteria Kampus Industri, UTeM

Program Tautan Kasih Bersama Anak Yatim
Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al Haj Orphanage, Pantai
Puteri, Melaka

"Got Problem" Programme
Industrial Campus, UTeM

Oktober	October
Kem Waja Diri Mahasiswa/Siswi Perkasa Siri 3/2008 Pulau Pangkor, Perak	Kem Waja Diri Mahasiswa/Siswi Perkasa Serial 3/2008 Pulau Pangkor, Perak
Sehari Meniti Kasih Rumah Anak Yatim Darul Aitham, Bukit Pegoh Melaka	Sehari Meniti Kasih Darul Aitham Orphanage, Bukit Pegoh, Melaka
Kursus Bakal Calon dan Jentera Pemilihan MPP Sesi 2008/2009 Kem Bina Negara, Alor Gajah Melaka	Student Representative Council Candidacy Selection Course 2008/2009 Session Kem Bina Negara, Alor Gajah, Melaka
Kem Pengurusan Kendiri Kem Tasik Biru, Jasin Melaka	Self-Management Camp Tasik Biru Camp, Jasin, Melaka
Program Pertandingan Debat Terbuka UTeM 2008 Bilik Kuliah 5-6 dan Kafeteria Kampus Industri UTeM Treasure Hunt UTeM 2008 Kampus Induk UTeM & Ayer Keroh	UTeM Open Debate Competition 2008 Lecture Rooms 5-6 and Industrial campus, UTeM UTeM 2008 Treasure Hunt UTeM Main Campus & Ayer Keroh
Program Eksplorasi Minda Siswa Cemerlang Kem Raudah, Lot 4397 Teluk Nipah, Pangkor, Perak Penamaan Calon MPP Sesi 2008/2009 Dewan UTeM 1, Kampus Industri, UTeM	Program Eksplorasi Minda Siswa Cemerlang Raudah Camp, Lot 4397 Teluk Nipah, Pangkor, Perak
Hari Pemilihan MPP Sesi 2008/2009 Kampus Industri, UTeM	Student Representative Council Candidacy Nomination, 2008/2009 Session Dewan UTeM 1, Industrial Campus, UTeM
Majlis Anugerah Sijil Kepujian Dekan Semester 1, Sesi 2007/2008 Air Keroh D'Village	Student Representative Council Selection Day, 2008/2009 Session Industrial Campus, UTeM
Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri 1429H Kafeteria Kampus Industri, UTeM	Deans List Award Ceremony - Semester 1, 2007/2008 Session Air Keroh D'Village
Latihan Keusahawanan Siswa (LKS) Modul 5 Hotel Sri Malaysia, Port Dickson, Negeri Sembilan	Hari Raya Aidilfitri 1429H Celebration Feast Industrial Campus, UTeM
Malam Gemilang Aidilfitri 2008 Perkarangan Kolej Kediaman Siswi, TTU	Undergraduate Entrepreneurship Training Module 5 Sri Malaysia Hotel, Port Dickson, Negeri Sembilan
Pertandingan Catur Terbuka UTeM Bilik Kuliah 20-21 dan Bangunan Akademik UTeM	Aidilfitri 2008 Night TTU Siswi Residency College
Program Solat Hajat Perdana Sempena Peperiksaan Akhir Semester 1 2008/2009 Setiap Surau Kolej Kediaman Pelajar	UTeM Open Chess Competition Lecture Rooms 20-21 and UTeM Academic Building
	Solat Hajat Perdana Programme in conjunction with Final Exam Semester 1 2008/2009 Every Surau at Students' Residential Colleges

Program Majlis Sambutan Mesra Aidilfitri Kolej Kediaman
UTeM Murni 2008
Perkarangan Kolej Kediaman UTeM Murni

Hari Raya Aidilfitri Celebration Programme by Murni Residential
College 2008
Murni Residential College

Majlis Bacaan Yassin dan Jamuan Hari Raya HEPA
Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Yassin Recital Ceremony and HEPA Hari Raya Feast
Student Affairs & Alumni Office

November

November

Majlis Penyampaian Watak MPP Sesi 2008/2009 &
Penghargaan MPP Sesi 2007/2008
Ancasa Hotel, MITC, Melaka

Majlis Penyampaian Watak MPP 2008/2009 Session &
Penghargaan MPP 2007/2008 Session
Ancasa Hotel, MITC, Melaka

Aktiviti Pembungkusan Barang Perpindahan HEPA
HEPA, Kampus Industri UTeM

Packing Preparation for Transfer of HEPA
HEPA, Industrial Campus, UTeM

Aktiviti Pengangkutan Barang Perpindahan HEPA
HEPA, Kampus Induk UTeM

Transportation of Things for Transfer of HEPA
HEPA, Main Campus, UTeM

Bengkel Penyediaan SKT dan Perancangan Strategik HEPA
2009
Hotel Quality, Kuala Lumpur

SKT Preparation and HEPA Strategic Planning 2009
Quality Hotel, Kuala Lumpur

Program Lawatan Ilmiah MPP Sesi 2007/2008
Beijing, China

Program Lawatan Ilmiah MPP Sesi 2007/2008
Beijing, China

Pertandingan Debat Diraja Antara Universiti-Universiti Awam
Malaysia 2008
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Debate Competition Among Public Universities of Malaysia 2008
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Disember

December

Karnival Outdoor UTeM 2008
Amberstone Eco-Resort, Ulu Yam, Selangor

UTeM 2008 Outdoor Carnival
Amberstone Eco-Resort, Ulu Yam, Selangor

Sukan Universiti Asean 2008
Stadium Nasional Bukit Jalil

Asean University Sports 2008
Bukit Jalil National Stadium

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Human Resource Management



اوتيم تېكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Human Resource Management

Pengenalan

Pengurusan Sumber Manusia amatlah penting bagi memastikan tenaga kerja yang ada di Universiti bertaraf profesional serta memenuhi kehendak dan keperluan stakeholders. Tenaga kerja Akademik dan Bukan Akademik secara langsung menentukan keluaran graduan Universiti boleh menembusi pasaran kerja dengan mudah sepertimana yang dikehendaki oleh industri.

Antara perkara utama yang perlu diberikan perhatian di dalam perancangan pengurusan sumber manusia adalah memastikan pengambilan staf yang memenuhi keperluan Universiti dari segi tahap akademik, pengetahuan serta kebolehan mempraktikkan dan memberi ilmu pengetahuan secara optimum kepada pelajar. Selain itu, proses pengambilan serta kenaikan pangkat yang lebih kerap dan efektif juga menjadi salah satu agenda utama di dalam pengurusan sumber manusia.

Perjawatan Staf

Bilangan staf yang aktif sehingga penghujung tahun 2008 adalah seramai 1500 iaitu peningkatan sebanyak 21% berbanding pada tahun 2007. Pengambilan staf baru bagi tahun 2008 lebih tertumpu kepada staf akademik di mana ianya bertujuan untuk menampung kekurangan pensyarah di dalam beberapa bidang tertentu serta pengambilan staf-staf profesional dan berpengalaman dari luar negara secara kontrak. Selain daripada itu, pengambilan staf sokongan yang ramai juga dilihat bagi mengimbangi nisbah staf dari kumpulan pengurusan dan profesional.

Proses kenaikan pangkat terutama bagi staf akademik juga telah dilaksanakan sepanjang tahun 2008 di mana seramai 22 orang telah dinaikkan pangkat manakala staf bukan akademik pula seramai 15 orang. Ianya bertujuan untuk memantapkan lagi proses pembelajaran dan pengajaran dengan adanya staf yang mampu memberi sumbangan dan penambahbaikan berterusan melalui jawatan yang lebih kanan yang diharap dapat memberi tumpuan yang lebih bagi membantu universiti ke arah mencapai matlamat Pelan Strategik sepertimana yang telah diuar-uarkan.

Statistik bagi jumlah keseluruhan staf dan pelantikan serta kenaikan pangkat tahun 2008 adalah seperti di jadual 5.1 dan 5.2.

Introduction

Human Resource Management is very important to ensure that the University's workforce fulfills the professional standard and satisfies the need of the stakeholders. Academic and non-academic workforce can directly determine whether university graduates can easily penetrate the job market as required by the industries.

Among the main things which needs attention in human resource management planning is ensuring that the staffing process fulfills the university's needs like academic level, knowledge and ability to provide practice and optimum knowledge to students. Furthermore, regular and effective recruitment process and promotion exercise have also become one of the main agendas in human resource management.

Staff Recruitment

The active number of staff at the end of 2008 was 1500. This number marked an increase of 21% compared to 2007. The new staff intake for 2008 focused on academic staff. This was to overcome lecturer shortage in certain fields and also to overcome shortage of professionals and experienced, contract staff from abroad. In addition, the support staff intake was also taken into consideration so that the ratio of staff in the management group tallied with the ratio of professionals.

The promotion process was implemented in the year 2008, where 22 of the academic staff and 15 of the non-academic staff were promoted. This was to stabilize the teaching and learning process with staff that would be able to contribute and to give continuous improvement through a senior post. It was also hoped that they would provide more attention to help the University towards achieving the objectives of the Strategic Plan.

The statistics for the total number of appointment and promotion of staff for the year 2008 is shown in Tables 5.1 and 5.2.



Kategori Category	Bil. Staf 2007 No. of Staff 2007	Bil. Staf 2008 No. of Staff 2008
Staf Akademik Academic Staff	569 orang	623
Staf Bukan Akademik Non-Academic Staff	611 orang	877
Jumlah Total	1180 orang	1500

Jadual 5.1: Jumlah Staf Mengikut Kategori
Table 5.1: The Total Number of Staff Based on Category

Pelantikan dan Kenaikan Pangkat

Appointment and Promotion

Kumpulan Group	Lantikan baru Newly Appointed	Kenaikan Pangkat Promoted
Pengurusan Tertinggi Utama Senior Management	1	0
Pengurusan Tertinggi Khas - Akademik Special Senior Management - Academic	1	2
Pengurusan dan Profesional - Akademik Management and Professional - Academic	60	20
Pengurusan dan Profesional - Bukan Akademik Management and Professional - Non-Academic	47	4
Sokongan Support Staff	235	11
Jumlah Total	344	37

Jadual 5.2 : Bilangan Staf Lantikan Baru dan Naik Pangkat
Table 5.2: The Number of Newly Appointed and Promoted Staff

Skim Latihan Kakitangan Akademik dan Cuti Belajar

Universiti dari masa ke semasa sentiasa berusaha menghantar staf-staf yang berkelayakan untuk menyambung pelajaran ke peringkat tertinggi bagi mencapai sasaran 50% staf akademik yang mempunyai ijazah Doktor Falsafah menjelang 2010. Beberapa program penggalakan telah dilaksanakan bagi merealisasikan hasrat ini seperti Kursus Kaedah Penyelidikan sebagai pendedahan kepada staf akademik untuk memilih, memantapkan serta memudahkan mereka mencari dan menjalankan kaedah penyelidikan yang bersesuaian.

Kursus IELTS juga telah diadakan sebagai persiapan untuk meningkatkan lagi penguasaan bahasa ke tahap yang lebih tinggi. Setiap tahun sejumlah staf akademik telah dihantar untuk melanjutkan pelajaran sama ada di dalam atau di luar negara. Seramai 81 staf telah melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD). Pada tahun 2008 juga seramai 41 orang telah melaporkan diri untuk bertugas setelah selesai menghabiskan pengajian di dalam bidang masing-masing.

Academic Staff Training Scheme and Study Leave

From time to time, the University strives to send qualified staff to further their studies at the highest level. The target is for 50% of the academic staff to have PhDs by 2010. A number of programmes have been implemented to encourage staff to reach this target such as Research Methodology to assist academic staff to choose, facilitate their findings and carry out suitable methods of research.

The IELTS's course is also held as preparation to further improve the command of the English language to a higher level. Each year, a number of academic staff are sent to further their studies locally or abroad. A total of 81 staff have furthered their studies at the Masters and PhD levels. In 2008, a total of 41 staff reported for work upon completion of their studies in the respective fields.

The statistics of academic staff pursuing studies according to their level of studies is shown on Table 3, while the number of academic staff who has completed their studies and reported to work in 2008 is shown on table 4.

Jadual 3 adalah statistik staf akademik yang melanjutkan pelajaran berdasarkan pecahan peringkat pengajian, manakala jadual 4 adalah bilangan staf akademik yang telah menghabiskan pengajian dan melaporkan diri untuk bertugas sepanjang tahun 2008.

Kategori Category	Dalam Negara Locally	Luar Negara Abroad
Sarjana Masters	8	21
Doktor Falsafah PhD	12	40
Jumlah Total	20	61

Jadual 5.3: Bilangan Staf Melanjutkan Pelajaran Di Dalam dan Luar Negara Tahun 2008
Table 5.3: The number of Staff Pursuing Studies Locally and Abroad in 2008

Kategori Category	Dalam Negara Locally	Luar Negara Abroad
Sarjana Masters	8	10
Doktor Falsafah PhD	10	13
Jumlah Total	18	23

Jadual 5.4: Bilangan Staf Melaporkan Diri Tahun 2008
Table 5.4: The Total Number of Staff Who Reported for Duty in 2008

Pembangunan Sumber Manusia

Latihan Staf

Unit Latihan telah menganjurkan kursus-kursus dalaman dan anjuran luar sepanjang tahun 2008. Kursus-kursus yang telah dianjurkan ini dibahagikan kepada beberapa kategori penumpuan bagi memastikan hasil pembelajaran yang diterima oleh staf adalah optimum serta dapat diaplikasikan dan menambah baik pengurusan di tempat kerja masing-masing. Berikut adalah kategori tujuan penganjuran kursus :

- i. Memberi pendedahan secara umum kepada staf dari segi ilmu pengetahuan;
- ii. Memberi pengetahuan khusus terhadap kerja yang dilaksanakan;
- iii. Kursus kerohanian;

Berikut adalah statistik jumlah kursus dan pembentangan kertas kerja yang telah diadakan sepanjang tahun 2008 :

Human Resource Development

Staff Training

The Training Unit organised internal and external courses in the year 2008. These courses were divided into various categories to ensure that the learning outcomes received by the staff were optimum, applicable and helpful to the improvement of the management in the respective workplaces. The objectives of the course are as follows :

- i. To provide staff with a general exposure in terms of knowledge;
- ii. To provide specific knowledge in the implementation of work;
- iii. To provide course in moral values.

Following is the statistics for the number of courses and presentations of working papers in 2008 :

Jenis Kursus Type of Course	Penyertaan Participation
Anjuran Dalam Internal	2335
Anjuran Luar External	760
Pembentangan Kertas Kerja – Dalam Negeri Paper presentation - Locally	269
Pembentangan Kertas Kerja – Luar Negeri Paper presentation - Abroad	46
Jumlah Keseluruhan Total	3410

Jadual 5.5 : Jumlah Kursus dan Pembentangan Kertas Kerja
Table 5.5: The Total Number of Courses and Paper Presentations

Kursus-kursus dan Periksaan Perkhidmatan Staf

Sepanjang tahun 2008 juga universiti telah menganjurkan berbagai jenis kursus bagi tujuan perkhidmatan staf. Selaras dengan dasar universiti yang mengutamakan kebajikan dan kemajuan kerjaya staf yang menarik, maka kursus-kursus wajib bagi tujuan pengesahan perkhidmatan, kenaikan pangkat dan anjakan gaji telah dilaksanakan. Antara kursus-kursus wajib tersebut adalah seperti berikut :

1. Kursus Induksi

Sepanjang tahun 2008, Kursus Induksi telah dianjurkan sebanyak empat (4) kali. Dua (2) kali bagi kumpulan Pengurusan & Profesional dan dua (2) kali juga bagi kumpulan Sokongan. Keseluruhannya seramai 204 orang staf telah mengikuti kursus ini bagi membolehkan mereka menepati salah satu syarat pengesahan jawatan. Berikut adalah statistik penganjuran kursus tersebut :



Courses and Staff Service Examination

The University proposed various types of courses for the purpose of staff service in 2008. In line with University policy of welfare and staff career development, various compulsory courses for confirmation, promotion and pay rise were implemented. The following compulsory courses were offered :

1. Induction Course

Induction courses were held four times in 2008, twice for the Management and Professional Group and twice for the support group. A total of 204 staff attended the courses to fulfill one of the requirements for confirmation. The statistics for the course is shown below:

Kumpulan Group	Tarikh Date	Bil. Peserta Total No. of Participants	Tempat Venue
1 Kumpulan Sokongan I dan II 1 Support Group I and II	24 Feb. ~ 7 Mac. '08 24 Feb. ~ 7 Mar. '08	60	Hotel Seri Malaysia, Mersing Johor
2 Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Sokongan I 2 Management and Professional Group I	11 ~ 28 Mei '08 11 ~ 28 May '08	39	Hotel Le Paris, Port Dickson
3 Kumpulan Sokongan I dan II 3 Support Group I and II	17 ~ 30 Ogos '08 17 ~ 30 Aug '08	59	Institut Latihan FAMA, Port Dickson
4 Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Sokongan I 4 Management and Professional Group I	16 Nov. ~ 3 Dis. '08 16 Nov. ~ 3 Dec. '08	46	Hotel Le Paris, Port Dickson

Jadual 5.6 : Bilangan Kursus Induksi dan Jumlah Peserta Yang Terlibat
Table 5.6: The Number of Induction Courses and Total Number of Participants Involved



Kursus dan Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)

Kursus dan peperiksaan berteraskan kompetensi iaitu Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) juga telah dianjurkan oleh Universiti bagi membolehkan staf yang lulus diberi peluang dan pertimbangan untuk kenaikan pangkat dan anjakan gaji. Secara umumnya kursus dan peperiksaan PTK telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali setahun. Selain daripada diadakan secara dalaman, universiti juga menghantar staf-staf yang layak untuk menduduki PTK anjuran IPTA dan agensi lain mengikut keperluan, bidang tugas dan jawatan yang kritikal yang secara umumnya lebih sesuai dihantar untuk menduduki PTK di tempat lain berdasarkan kepada kos dan kepakaran yang ada di tempat tersebut.

Berikut adalah statistik staf yang telah menduduki peperiksaan dan kursus PTK sepanjang tahun 2008 :

Course and Examination For Competency Level Appraisal (PTK)

The University organises courses and examinations based on competency namely Competency Level Appraisal. Staff who pass this exam will be considered for promotion and pay rise. The course and the examination are generally implemented twice a year. Besides being held internally, the University also sends qualified staff based on critical needs to sit for the course and exam organised by other public institutions of higher learning or agencies depending on the cost and expertise available.

Following is the statistics of staff that sat for the course and PTK examination in 2008:

Kumpulan Group	Tarikh Date	Bil. Peserta Total No. of Participants	Tempat Venue
1 Kursus PTK Akademik TK3, bil.1 1 PTK Course for Academics TK3, No.1	21 ~ 28 Mei '08 21 ~ 28 May '08	29	Hotel Avillion, Melaka
2 Kursus PTK Akademik TK3, bil.2 2. PTK Course for Academics TK3, No.2	28 Nov. ~ 3 Dis. '08 28 Nov. ~ 3 Dec. '08	46	Dewan Konvensyen UTeM, Kampus Bandar
3 Peperiksaan PTK Gred 17 ~ 41, bil. 1 3. PTK Examination Grade 17 ~ 41, No. 1	5 ~ 9 Mei '08 5 ~ 9 May '08	180	Dewan UTeM, Kampus Industri
4 Peperiksaan PTK Gred 17 ~ 41, bil. 2 4 PTK Examination Gred 17 ~ 41, No. 2	1 ~ 5 Dis. '08 1 ~ 5 Dec. '08	178	Dewan Sukan, Kompleks Sukan UTeM, Kampus Induk
5 Peperiksaan PTK Gred 1 ~ 16, bil. 1 5 PTK Examination Grade 1 ~ 16, No. 1	10 ~ 11 Dis. '08 10 ~ 11 Dec. '08	24	Hotel Seri Malaysia, Ayer Keroh Melaka

Jadual 5.7 : Bilangan Peperiksaan & Kursus PTK dan Jumlah Peserta Yang Terlibat : Anjuran Dalam
Table 5.7: The Number of PTK Courses and Examinations and Total Number of Participants Involved - Internal

Kumpulan Group	Tarikh Date	Bil. Peserta Total No. of Participants	Tempat Venue
1 Kursus PTK Akademik TK4 1 PTK Course for Academics TK4	9 ~ 17 Jun '08 9 ~ 17 June '08	1	Universiti Teknologi Malaysia
2 Kursus PTK Akademik TK4 2 PTK Course for Academics TK4	25 ~ 28 Nov. '08 25 ~ 28 Nov. '08	4	Universiti Kebangsaan Malaysia
3 Kursus PTK Akademik TK5 3 PTK Course for Academics TK5	1 ~ 5 Dis. '08 1 ~ 5 Dec. '08	5	Universiti Kebangsaan Malaysia
4 Kursus PTK Bukan Akademik TK3 4 PTK Course for Non-Academics TK3	30 Jun ~ 8 Jul. '08 30 June ~ 8 July '08	5	Universiti Teknologi Malaysia
5 Kursus PTK Bukan Akademik TK4 5 PTK Course for Non-Academics TK4	1 ~ 10 Jul. '08 1 ~ 10 July '08	1	Universiti Teknologi Malaysia
6 Kursus PTK Bukan Akademik TK3 6 PTK Course for Non-Academics TK3	10 ~ 18 Nov. '08 10 ~ 18 Nov. '08	2	Universiti Teknologi Malaysia

Jadual 5.8 : Bilangan Peperiksaan & Kursus PTK dan Jumlah Peserta Yang Terlibat : Anjuran Luar
Table 5.8: The Number of PTK Courses and Examination and Total Number of Participants Involved - External

Peperiksaan Pengesahan Perkhidmatan

Peperiksaan bagi tujuan pengesahan di dalam perkhidmatan telah dilaksanakan oleh universiti bagi memberi peluang kepada staf untuk disahkan perkhidmatan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Pelaksanaan peperiksaan ini meliputi semua staf Akademik dan Bukan Akademik bagi memastikan kesemua staf memahami sekurang-kurangnya mengenai latar belakang serta visi, misi dan objektif universiti. Jadual 9 menunjukkan statistik staf yang telah menduduki peperiksaan perkhidmatan.

Service Confirmation Examination

